



**JABATAN TENAGA ATOM**  
(DEPARTMENT OF ATOMIC ENERGY MALAYSIA)  
**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**  
(Ministry of Science, Technology and Innovation)

25 Oktober 2022

Notis Pemberitahuan Jabatan Tenaga Atom

Bil. 03/2017 Sem. 3

**KELAYAKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN (PPS) MENGIKUT TAHAP DI  
BAWAH SISTEM STANDARD PERSIJILAN PPS**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan berhubung kelayakan PPS yang diambil kerja oleh pemegang lesen hendaklah mengikut Sistem Tahap Persijilan PPS, berdasarkan kategori bahan radioaktif dan radas penyinaran.

**LATAR BELAKANG**

2. Subperaturan 16 (1), Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46] memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah mengambil kerja seorang PPS. Berdasarkan Peraturan 3 P.U. (A) 46 ini, "Pegawai Perlindungan Sinaran" ertiannya seorang yang berwibawa dari segi teknik yang dilantik oleh pemegang lesen dan diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan untuk menyelia pemakaian peraturan-peraturan, langkah dan tatacara perlindungan sinaran yang bersesuaian.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan PPS adalah berwibawa dari segi teknik, salah satu keperluan yang perlu dipatuhi adalah menghadiri Kursus Persijilan PPS dan

hendaklah lulus Peperiksaan Persijilan PPS sebelum diluluskan oleh Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) untuk dilantik sebagai PPS.

4. Notis Pemberitahuan Bil. 03/2007 Sem. 2 bertarikh 24 November 2020 telah menetapkan Standard Persijilan PPS berdasarkan kategori dan bidang aktiviti. Walau bagaimanapun, setelah membuat penelitian lanjut, Atom Malaysia telah mengemas kini perincian tahap persijilan.

## **ARAHAN**

5. Standard Persijilan PPS yang baharu<sup>1</sup> telah menetapkan persijilan PPS adalah berdasarkan kepada pengkategorian punca sinaran<sup>2</sup> dan radas penyinaran seperti dinyatakan di Jadual 1 LEM/TEK/44 (Bahagian A): Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Semakan 06)

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

6. Arahan ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh dikeluarkan.

7. Kelulusan pengiktirafan PPS sedia ada yang diberikan sebelum notis ini dikeluarkan adalah sah sehinggalah tarikh tamat pengiktirafan tersebut. Pengiktirafan baharu PPS dan pembaharuan pengiktirafan PPS setelah notis ini dikeluarkan adalah merujuk kepada standard pensijilan PPS terkini yang telah diluluskan.

## **PEMBATALAN**

8. Notis Pemberitahuan BiL 3/2007 Sem. 2. bertarikh 24 November 2020 adalah dibatalkan.

---

<sup>1</sup> Rujuk LEM/TEK/44 (Bahagian A): Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran

<sup>2</sup> International Atomic Energy Agency (IAEA) Categorization of Radioactive Sources, No. RS-G-1.9.

## **PENUTUP**

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Atom Malaysia menggunakan alamat di bawah.

Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Jabatan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800 Dengkil, Selangor  
No. Tel: +603 – 8922 5888  
No. Faks: +603 – 8922 3685  
E-mel : [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my) Laman Web: [wwwaelb.gov.my](http://wwwaelb.gov.my)